

08/07/2001

Pemimpin sokong BN parti politik tunggal

PEMIMPIN parti komponen Barisan Nasional (BN) pada dasarnya menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya BN satu hari nanti menjadi parti politik tunggal dan bukan parti politik campuran seperti sekarang.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat diarah mengambil semua langkah perlu supaya cadangan Dr Mahathir dapat dilaksanakan.

"Cadangan Perdana Menteri ini bukan saja dapat memantapkan BN sebagai sebuah parti politik tetapi juga melambangkan perpaduan semua kaum di negara ini. Saya yakin dengan terlaksananya cadangan ini keyakinan rakyat terhadap BN akan meningkat lagi," katanya kepada pemberita pada waktu rehat Konvensyen BN di sini.

Dalam ucaptamanya pada konvensyen sehari itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pemimpin BN perlu merapatkan hubungan dan berfungsi lebih sebagai sebuah parti tunggal di sebalik gabungan parti-parti.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik percaya BN berada pada arah yang betul untuk menjadi parti tunggal kerana parti campuran itu sering menjalani perubahan untuk menyesuaikan dirinya dengan masa dan aspirasi rakyat.

"Kita perlu terus melalui perubahan jika kita mahu terus menjadi barisan relevan," kata beliau.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu berkata MIC akan terus hidup dan mati bersama BN dan sanggup mendokong apa juga cita-cita pemimpinnya.

"Kami bersedia menerima semua arahan dan perintah Perdana Menteri dan MIC bersedia untuk dibubarkan untuk bergabung dalam BN (jika diperlukan)," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik berkata, BN perlu terus membina cara hidup tertentu atau budaya berdasarkan kepada toleransi, perpaduan, persefahaman, keharmonian dan pembangunan rakyat.

Presiden Snap, Datuk Amar James Wong menyambut baik idea itu, dengan berkata BN perlu bertemu dengan lebih kerap bermula dari sekarang.

"Ia baik tetapi Perdana Menteri terlebih dulu perlu mendengar pandangan semua orang dan satu keputusan sebulat suara perlu dibuat," katanya.

Bagi Presiden SUPP Datuk Amar George Chan, BN sudahpun menjadi parti tunggal dalam semangat kerana ia sentiasa menjaga aspirasi dan kepentingan semua kaum di negara dan bukan mana-mana kaum tertentu saja.

Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee berkata BN satu hari nanti boleh menjadi satu parti tunggal tetapi proses itu tidak boleh dipaksa.

(END)